

PENDIDIKAN MORAL

PENDIDIKAN KHAS
TINGKATAN

5

PENULIS

Norani binti Abd Rahim
Lim Bee Bee

EDITOR

Nurul Shaheza binti Zamri

PEREKA BENTUK

Rahimah binti Badulu

ILUSTRATOR

Ali Seteria bin Has



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0086

KK 370-221-0102011-49-2878-30101
ISBN 978-983-49-2878-0

Cetakan Pertama 2020
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-2147 9643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Mihas Grafik Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Pusat Darah Negara.
- Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura, Johor.
- Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Wakaf Tapai, Terengganu.
- Persatuan Buddhist Malaysia.
- Muzium Tekstil Negara.
- MERCY Malaysia.
- Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor.
- Astro Awani.
- Exact Training Consultant.

KANDUNGAN

Pendahuluan	iv
Penerangan Ikon Buku Teks	v
Panduan Penggunaan Buku Teks	vi

TEMA 1: INSAN BERMORAL

UNIT 1	Norma Sosial	2
UNIT 2	Jati Diri	14
UNIT 3	Sikap Prihatin untuk Kesejahteraan Bersama	26
UNIT 4	Pengurusan Konflik Remaja	38
UNIT 5	Pengurusan Sumber Maklumat untuk Kesejahteraan Bersama	50

TEMA 2: MORAL DAN KENEGARAAN

UNIT 6	Penglibatan Diri untuk Kesejahteraan Masyarakat	64
UNIT 7	Hubungan Masyarakat Global untuk Kesejahteraan Bersama	76

Senarai Rujukan	89
Indeks dan Cadangan Jawapan	90

PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Moral (Pendidikan Khas) Tingkatan 5* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Pendidikan Khas Tingkatan 5, Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) supaya berakhlak mulia, berintegriti dan berpegang teguh pada nilai universal. Semua hasrat ini berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral merupakan tiga domain moral yang membentuk MBK berakhlak mulia dan membolehkan mereka membuat pertimbangan yang sesuai, tepat dan konsisten berasaskan peraturan atau nilai universal. Domain-domain ini diterapkan melalui pelbagai aktiviti dan latihan yang disediakan dalam buku teks ini. Guru boleh mengubah suai aktiviti dan latihan mengikut tahap kecerdasan, kebolehan dan persekitaran murid. Antara aktiviti yang disediakan dalam buku teks ini termasuklah lakonan, permainan dan projek. Semua aktiviti ini memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berinteraksi, bekerjasama dalam pasukan, menambah maklumat dan memupuk sikap penyayang dan patriotik dalam diri serta boleh bersaing ke arah global.

Buku ini dibahagikan kepada tujuh unit merangkumi dua tema, iaitu Tema 1: Insan Bermoral dan Tema 2: Moral dan Kenegaraan. Setiap unit pula mempunyai tujuh bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan, rumusan dan penilaian. Kod QR disediakan sebagai rujukan tambahan bersesuaian dengan Pembelajaran Abad Ke-21. Aktiviti intervensi yang berunsur amali dan penghasilan projek pula antara ciri keunikan buku ini yang mengutamakan cara kerja langkah demi langkah bersesuaian dengan keperluan MBK ke arah transisi kerjaya.

Penghasilan buku ini diharapkan dapat mempraktikkan pengetahuan dan meningkatkan keupayaan sendiri murid dalam kehidupan harian. Nilai-nilai murni yang merangkumi kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan pula dapat dipupuk secara berterusan dan diharapkan menjadi amalan kepada MBK. Pada akhirnya, konsep moral dapat difahami dan dihayati sekali gus mewujudkan masyarakat yang harmoni.

PENERANGAN IKON BUKU TEKS

Secara keseluruhannya, buku teks ini disusun mengikut aras yang diwakili oleh ikon-ikon yang bermakna. Tujuannya supaya buku ini bersifat mesra murid dan sentiasa menarik perhatian semasa digunakan. Yang berikut ialah penerangan tentang ikon-ikon:



Rangsangan

Berfungsi untuk memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang sesuatu topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.



Konsep

Berfungsi untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui set induksi yang disediakan dalam unit berkenaan.



Penguuhan

Berfungsi untuk mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid tentang topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.



Pengayaan

Berfungsi untuk menambah maklumat lain bagi pemahaman dan penguasaan murid tentang topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.



Pemulihan

Berfungsi untuk membantu murid agar lebih menguasai topik yang dipelajari dalam unit berkenaan. Elemen intervensi turut diterapkan pada halaman ini.



RUMUSAN

Kesimpulan keseluruhan topik yang dipelajari untuk menjelaskan isi-isi penting dalam unit berkenaan.



Penilaian

Soalan pelbagai bentuk untuk mengukur pemahaman dan penguasaan murid tentang topik yang telah dipelajari.



PROJEK

Memberikan peluang kepada murid untuk berkreativiti bagi mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian.

PANDUAN PENGGUNAAN BUKU TEKS



RANGSANG MINDA

Soalan mudah untuk merangsang pemikiran awal murid pada setiap permulaan unit.



SANTAI MINDA

Aktiviti pentaksiran dalam pelbagai cara untuk menguji pemahaman murid dalam unit tersebut.



IMBAS
SAYA

Maklumat tambahan dalam bentuk kod QR daripada pelbagai sumber yang diakses melalui peranti semasa.



NOTA GURU

I.1.1
I.1.2
I.1.3

➔ Panduan kepada guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti. Pada Nota Guru ini dinyatakan nombor standard pembelajaran untuk dicapai.

PAK-21

Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 yang sesuai dengan generasi abad ini bagi mencerna pemikiran murid.



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Menguji murid dengan soalan yang menjurus pada pemikiran aplikasi, analisis, menilai dan mencipta.



INTERVENSI

Aktiviti khusus untuk MBK bagi meningkatkan domain kognitif, komunikasi, emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus mereka. Aktiviti ini dilakukan secara amali.



NOTA BESTARI

Maklumat berkaitan dengan sesuatu perkara yang dipelajari untuk memberikan pengetahuan kepada murid.



AR
PENDIDIKAN MORAL
PENDIDIKAN KHAS
TINGKATAN 5

Mengandungi maklumat tambahan dalam bentuk video dan animasi bagi menarik minat murid. Teknologi ini menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D dan 3D. Aplikasi AR untuk buku teks ini boleh dimuat turun daripada aplikasi *Play Store* dan aplikasi *App Store* melalui carian tajuk AR Pend. Moral (PK) Ting. 5.



GLOSARI

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami dan tercatat dalam buku teks ini. Maksud perkataan ini boleh dirujuk melalui laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), prpm.dbp.gov.my dan juga melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

TEMA 1

**INSAN
BERMORAL**



Dalam unit ini, murid dapat:

- 1.1.1 memerihalkan maksud norma sosial.
- 1.1.2 menjelaskan norma sosial dalam pelbagai situasi.
- 1.1.3 menyatakan kepentingan norma sosial dalam kehidupan harian.
- 1.1.4 melahirkan perasaan berkaitan norma sosial yang diamalkan dalam kehidupan harian.
- 1.1.5 mengamalkan norma sosial dalam kehidupan harian.



CADANGAN NILAI

- Bertanggungjawab
- Rasional
- Hemah Tinggi
- Hormat
- Toleransi



RANGSANG MINDA

Nyatakan contoh norma sosial lain yang menjadi amalan dalam kehidupan.



GLOSARI

Norma Sosial: Peraturan dan amalan yang berkaitan dengan masyarakat.

NORMA SOSIAL MEMBENTUK MASYARAKAT BAHAGIA

Fahami maklumat berikut:

Dalam kehidupan harian, banyak perkara yang dilakukan melibatkan norma sosial. Norma sosial merupakan peraturan dan amalan yang berkaitan dengan masyarakat.

Semasa Menghadiri Majlis Jamuan



1 Mengambil makanan dan minuman mengikut keperluan tanpa membazir.

2

Makan dengan tertibnya tanpa mengeluarkan bunyi.



3

Menjaga perasaan dan keselesaan tetamu yang lain.



Semasa di Meja Makan

1

Menggunakan sudu dan garpu dengan betulnya.

UNIT
1

2

Duduk dengan tertibnya semasa makan.



Kami berasa gembira dan bangga apabila mengamalkan norma sosial dalam kehidupan harian.

Norma sosial penting untuk:

- Memupuk sikap hormat-menghormati antara satu sama lain.
- Membimbing masyarakat ke arah kebaikan.



Bagaimanakah anda mengamalkan norma sosial dalam kehidupan harian? Kongsikan pengalaman anda.



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Ramalkan kesan sekiranya amalan norma sosial tidak diamalkan dalam kehidupan harian.

NOTA GURU

1.1.1
1.1.2
1.1.3
1.1.4
1.1.5

- Bimbing murid berkongsi pengalaman tentang norma sosial yang pernah diamalkan dalam kehidupan harian.
- Bimbing murid menyatakan kesan sekiranya tidak mengamalkan norma sosial dalam kehidupan harian.

Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

HIDUP BERETIKA, MASYARAKAT HARMONI

Teliti norma sosial berikut:

Norma sosial merupakan panduan hidup yang mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat. Antara norma sosial yang diamalkan termasuklah:

1



Panduan hidup yang mematuhi ajaran agama.
Contoh: Menjalankan upacara keagamaan.

2



Amalan moral yang membentuk akhlak manusia.
Contoh: Melaksanakan aktiviti gotong-royong.

3



Cara pergaulan yang mementingkan adab.
Contoh: Mengucapkan terima kasih apabila menerima pemberian orang lain.

4



Peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan.
Contoh: Memakai topi keledar dengan betulnya sebelum menunggang motosikal.



Apakah kebaikan yang anda peroleh melalui norma sosial di atas?

- ➡ Bimbing murid mengenal pasti norma sosial dalam gambar di atas.
 - ➡ Bimbing murid memberikan contoh lain untuk setiap norma di atas.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

TANGGUNGJAWAB SOSIAL, TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Hasilkan satu peta minda seperti di bawah tentang kepentingan amalan norma sosial dalam kehidupan harian.

Memastikan kehidupan masyarakat teratur.

Membimbing masyarakat ke arah kebaikan.

Menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Contoh peta minda:




- ◊ Bimbing murid menghasilkan satu peta minda mengikut kreativiti sendiri.
 - ◊ Bimbing murid membentangkan peta minda di hadapan kelas.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

NORMA SOSIAL MENJAMIN KESEJAHTERAAN NEGARA

Mari lakukan aktiviti di bawah.

UNIT

1



Bahan dan Peralatan:

Gam
Komputer
Kertas sebak
Mesin pencetak warna

Panduan Pelaksanaan:

1 Cari beberapa keping gambar yang mempunyai ciri-ciri norma sosial melalui Internet.



2 Cetak gambar-gambar tersebut.



3 Tampilkan hasil carian pada kertas sebak.



4 Bentangkan amalan norma sosial tersebut di dalam kelas secara kreatif.



- ➡ Bimbing murid mencari sumber melalui carian Internet.
 - ➡ Bimbing murid menyatakan pendapat sendiri dengan yakinnya.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

NORMA SOSIAL PEDOMAN HIDUP

Pilih perasaan anda terhadap norma sosial yang diamalkan dalam gambar.

UNIT 1




Surita menghulurkan bantuan kepada rakannya yang mengalami kecederaan.

Apakah perasaan anda?
 Sedih
 Marah
 Senang hati




Sarina beratur dengan penuh kesabaran semasa menunggu LRT.

Apakah perasaan anda?
 Geram
 Kecewa
 Bangga



Ho Min mengekalkan hubungan persahabatan yang baik dengan rakan-rakannya yang terdiri daripada berbilang kaum.

Apakah perasaan anda?
 Benci
 Kesal
 Gembira



NOTA GURU

1.1.2
 1.1.4
 1.1.5

Bimbing murid menjawab soalan yang diberikan.
 Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi


PELAJARI BUDAYA, AMALAN MULIA

Mari kita belajar menggunakan penyepit.

Masyarakat Malaysia mempunyai adab makan yang tersendiri. Antara adab makan masyarakat Cina termasuklah menggunakan penyepit untuk menjamu selera. Yang berikut merupakan etika penggunaan penyepit:

ETIKA PENGGUNAAN PENYEPIT

- 1 Memegang penyepit dengan cara yang betul supaya dapat mengambil makanan dengan mudahnya.
- 2 Meletakkan penyepit di atas bekas dengan selarinya kerana perbuatan menjilang penyepit adalah tidak sopan.
- 3 Menggunakan penyepit yang sama panjang sebagai tanda hormat.



(Sumber: Persatuan Buddhist Malaysia, 2020)



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Mengapakah penyepit tidak boleh digunakan untuk mengetuk atau membuat bising?



IMBAS
SAYA

Cara
Menggunakan
Penyepit (Video)

NOTA GURU

1.1.2
1.1.3
1.1.5

- Guru menyediakan peralatan dan bahan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti ini.
 - Bimbing murid menggunakan penyepit dengan cara yang betul.
 - Bimbing murid menguasai kemahiran motor halus.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

NORMA SOSIAL

MAKSUD

Peraturan dan amalan yang berkaitan dengan masyarakat.

CONTOH

- Mematuhi etika semasa menghadiri majlis jamuan.
- Menjaga etika di meja makan.
- Mematuhi etika penggunaan penyepit.

KEPENTINGAN

- Memastikan kehidupan masyarakat teratur.
- Memupuk sikap hormat-menghormati antara satu sama lain.
- Mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.
- Menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara.
- Membimbing masyarakat ke arah kebaikan.

PERASAAN APABILA MENGAMALKAN NORMA SOSIAL DALAM KEHIDUPAN HARIAN

- Bangga.
- Gembira.
- Senang hati.

(A) Tandakan (✓) pada amalan yang mematuhi norma sosial dan (X) pada amalan yang tidak mematuhi norma sosial.

1



2



3



4



IMBAS
SAYA

Duga Ilmu
Halaman 12

(B) Bulatkan jawapan “Ya” atau “Tidak” tentang norma sosial yang anda amalkan dalam kehidupan harian.

Bil.	Amalan Norma Sosial	Jawapan	
1.	Saya menghormati amalan agama dan kepercayaan pelbagai kaum.	Ya	Tidak
2.	Saya menghulurkan bantuan kepada golongan yang ditimpa kesusahan.	Ya	Tidak
3.	Saya menjaga kebersihan alam sekitar supaya bebas daripada pencemaran.	Ya	Tidak
4.	Saya meminta maaf dengan ikhlasnya apabila melakukan kesalahan bagi menghindari perselisihan faham.	Ya	Tidak
5.	Saya memberikan layanan yang baik dan sopan kepada orang tua yang saya kenali sahaja.	Ya	Tidak
6.	Saya mematuhi etika berpakaian apabila menghadiri majlis rasmi.	Ya	Tidak
7.	Saya mematuhi etika dan peraturan ketika menggunakan kemudahan awam.	Ya	Tidak
8.	Saya menggunakan panggilan hormat yang betul dan sesuai.	Ya	Tidak
9.	Saya menjaga batasan pergaulan supaya tidak menimbulkan salah faham.	Ya	Tidak
10.	Saya berkongsi maklumat peribadi dalam media sosial tanpa batasan.	Ya	Tidak

RUMUSAN

Saya berasa  apabila mengamalkan norma sosial dalam kehidupan harian.



Duga Ilmu
Halaman 13

Dalam unit ini, murid dapat:

- 1.2.1 memerihalkan maksud jati diri.
- 1.2.2 menyenaraikan ciri-ciri individu yang mempunyai jati diri.
- 1.2.3 menyatakan kepentingan mengamalkan jati diri.
- 1.2.4 melahirkan perasaan berkaitan jati diri yang diamalkan.
- 1.2.5 mempamerkan jati diri dalam kehidupan harian.



CADANGAN NILAI

- ▣ Bertanggungjawab
- ▣ Rasional
- ▣ Harga Diri
- ▣ Keberanian
- ▣ Patriotisme
- ▣ Kasih Sayang
- ▣ Kebebasan



RANGSANG MINDA

Pada pandangan anda, apakah kekuatan yang ada pada murid dalam gambar?

GLOSARI

Jati diri: Sifat atau ciri unik dan istimewa (adat, bahasa, budaya, agama dan lain-lainnya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian individu, bangsa serta identiti.

KEUNIKAN IDENTITI KARYA KE PERSADA DUNIA

Baca teks berikut:

Datuk Mohd Nor bin Khalid atau Datuk Lat ialah seorang kartunis Malaysia yang terkenal dengan kartun *The Kampung Boy*. Karyanya unik kerana bercirikan masyarakat kampung yang digambarkan dalam watak, latar dan budaya. Mari ikuti kisah Datuk Lat.



UNIT
2



1 Datuk Lat seorang anak kampung yang mempunyai sifat dan peribadi yang unik. Beliau mempunyai sahabat yang banyak. Mereka hidup bersama dalam keadaan aman dan gembira.




2 Datuk Lat **teruja** membawa keunikan adat resam dan budaya masyarakat negara. Beliau ingin generasi muda sedar asal usul nenek moyang dalam mengekalkan keharmonian negara.

3 Karya beliau banyak menggambarkan adat resam dan budaya masyarakat kampung. Misalnya, rumah Kutai yang tinggi di Perak digambarkan dalam lukisan supaya generasi muda dapat melihat dan menghargainya.



4 *The Kampung Boy* masih sama walaupun telah ditukar ke **animasi** televisyen di negara lain dan telah dialih bahasa. Beliau berbangga kerana kartun juga memberikan identiti dan membawa mesej positif untuk bangsa, masyarakat dan negara.



Harapan saya ialah semoga kita
menjadi sahabat sejati
selama-lamanya.



(Lukisan kartun ihsan daripada Datuk Lat)



Mutiara Kata
Datuk Lat
(Video)

IMBAS
SAYA



Jelaskan sifat jati diri yang dimiliki oleh Datuk Lat.



Teruja: Timbul minat, keinginan, bersemangat.

Animasi: Seni atau proses menyediakan gambar-gambar kartun yang kelihatan hidup.

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4
1.2.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami jati diri Datuk Lat melalui teks dan pelbagai sumber lain.
 - Guru boleh menayangkan siri animasi televisyen *The Kampung Boy* daripada sumber Internet.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Harga Diri, Keberanian, Patriotisme, Kasih Sayang, Kebebasan

JATI DIRI MEMBENTUK IDENTITI CEMERLANG

Baca teks di bawah.

Individu yang mempunyai jati diri amat menyayangi budaya, bangsa dan negara. Mereka membina identiti untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi.

Yang berikut merupakan pembentangan murid Tingkatan 5 Amanah bertajuk Personaliti Berjati Diri dan Beridentiti Cemerlang:

Pembentangan Kumpulan A

CEF FLORENCE TAN



**Pakar masakan
Baba Nyonya Melaka**

Inilah Jati Diri Saya

Ciri-ciri Jati Diri

- “Saya berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu kerana mudah difahami, sekali gus memartabatkan bahasa kebangsaan.”
- “Saya gemar berpakaian kebaya Nyonya. Pakaian tersebut bukan sahaja cantik dipakai malah mempunyai keunikan tersendiri seperti kerawang disulam dengan menggunakan benang yang halus dengan pelbagai motif yang menarik.”



“Saya bersemangat membawa masakan Baba Nyonya ke seluruh dunia. Saya berharap masakan nenek moyang saya ini menjadi pilihan generasi muda.”



Pembentangan Kumpulan B

Azrul Khan Hasrullah yang kudung kedua-dua kaki bergiat aktif dalam aktiviti pendakian. Walaupun merangkak namun beliau gigih dan tidak patah semangat mendaki Gunung Kinabalu dan juga sampai di Kem Induk Everest.

Ciri-ciri Jati Diri

Berdaya juang tinggi

Mempunyai kekuatan dalaman

Menyelesaikan masalah dengan tenang

Cinta akan warisan bangsa

Berfikiran positif

Bersemangat patriotik



(Foto: Sarawakvoice.com)

(Sumber dipetik dan disesuaikan daripada *Dewan Siswa*, Januari 2017)



Pendakian Azrul Khan Hasrullah (Pautan)

IMBAS SAYA



Selain Cef Florence Tan dan Azrul Khan Hasrullah, senaraikan individu lain yang mempunyai ciri-ciri jati diri cemerlang. Berikan pendapat anda tentang keistimewaan individu yang telah dipilih.

NOTA GURU

1.2.2
1.2.4

- Bimbing murid mengenal pasti individu yang mempunyai ciri-ciri jati diri cemerlang. Dapatkan maklumat melalui Internet dan sumber-sumber lain.
 - Bimbing murid menerangkan setiap ciri jati diri cemerlang.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kebebasan, Patriotisme, Keberanian

YAASHWIN SARAWANAN MANUSIA KALKULATOR

Baca teks di bawah.

Carian



YAASHWIN SARAWANAN
MALAYSIA

3:35 / 1:17:35

YAASHWIN SARAWANAN BERJUANG UNTUK NEGARA

200,000 Tontonan

190 000

Dikongsi

Simpan



Yaashwin Sarawanan

MELANGGAN

Yaashwin Sarawanan, murid SMK Bandar Tun Hussein Onn 2, Cheras, Selangor telah memenangi tempat kedua dalam pertandingan *Asia's Got Talent* tahun 2019. Beliau digelar "Manusia Kalkulator" kerana berjaya menyelesaikan soalan Matematik dengan tepat dan pantas. Beliau juga pernah merangkul gelaran johan dalam pertandingan *Aloha Mental Arithmetic International Competition* pada tahun 2017.

Kejayaan Yaashwin Sarawanan pada peringkat **global** sangat membanggakan semua pihak termasuklah ibu bapanya, sekolah dan negara. Susulan itu, beliau telah dipilih sebagai Ikon Sekolah bagi memberikan inspirasi kepada murid-murid lain.



Video Persembahan
Yaashwin
Sarawanan (Pautan)

IMBAS
SAYA

Ikuti petikan temu bual bersama-sama dengan Yaashwin Sarawanan.



Saya teruja kerana dapat bersaing dengan peserta lain yang hebat dan lebih matang daripada saya. Saya berani mengambil **risiko** walaupun ramai yang mempersoalkan penyertaan saya. Segelintir masyarakat menganggap Matematik itu susah tetapi saya berjaya membuktikan bahawa nombor juga menyenangkan.

UNIT 2



Nyatakan perasaan anda apabila membaca kisah Yaashwin Sarawanan. Berikan ulasan anda.

Saya berterima kasih kepada ibu bapa kerana telah memupuk jati diri sejak kecil lagi. Jati diri inilah yang menjadikan saya cecal menghadapi cabaran dan sentiasa berfikir positif untuk mencipta kejayaan.



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Imbas kod QR dan tonton video Yaashwin Sarawanan. Bandingkan jati diri anda dengan jati diri Yaashwin Sarawanan.

GLOSARI

Global: Meliputi seluruh dunia.

Risiko: Kemungkinan mengalami kerugian atau bahaya.

NOTA GURU

1.2.2
1.2.3
1.2.4
1.2.5

- Bimbing murid memahami kisah Yaashwin Sarawanan.
 - Bimbing murid mengenal pasti jati diri Yaashwin Sarawanan melalui video yang ditonton.
- Nilai: Keberanian, Kebebasan, Kasih Sayang

FIKIR BERTINGKAT-TINGKAT

Mari bermain Fikir Bertingkat-tingkat.

Panduan Permainan

- (1) Murid diberi tajuk "Apabila Memiliki Jati Diri".
- (2) Guru memulakan permainan dengan menyebut "Apabila memiliki jati diri, saya" Murid pertama akan menyambung ayat guru (lihat contoh di sebelah).
- (3) Murid kedua akan meneruskan ayat dengan jawapan yang diberikan oleh murid pertama (lihat contoh di sebelah).
- (4) Murid yang seterusnya akan mengulangi kaedah yang sama. Diharapkan murid terakhir akan memberikan jawapan pada peringkat yang lebih meluas.
- (5) Guru membuat rumusan daripada aktiviti ini.

(Sumber dipetik dan diubah suai daripada <http://m10mp.ipgkik.edu.my/>)

Guru

"Apabila memiliki jati diri, saya mempunyai kekuatan diri."

Murid 1

"Apabila mempunyai kekuatan diri, saya mampu mengatasi cabaran."

Murid 2

"Apabila mampu mengatasi cabaran, saya akan mudah untuk berjaya."

Murid 3

"Apabila mudah untuk berjaya, saya"

Murid 4



Murid 5



Murid seterusnya



Demonstrasi
Permainan
(Video)

IMBAS
SAYA

1.2.2
1.2.3
1.2.5

NOTA GURU

- Bimbing murid bermain permainan Fikir Bertingkat-tingkat ini. Gunakan kaedah yang sama untuk memulakan ayat yang lain seperti "Apabila tidak memiliki jati diri, saya"
- Guru boleh memberikan kata kunci jawapan agar murid boleh memberikan jawapan yang tepat.
- Guru boleh memberikan fokus meningkatkan domain kognitif dan komunikasi murid dalam aktiviti ini.

Nilai: Keberanian, Kebebasan, Bertanggungjawab, Rasional

JATI DIRI

Maksud

Sifat atau ciri unik dan istimewa (adat, bahasa, budaya, agama dan lain-lainnya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian individu, bangsa serta identiti.

Ciri-ciri

- Yakin diri.
- Berfikiran positif.
- Menghargai warisan.
- Bersemangat patriotik.
- Gigih dan bersungguh-sungguh.
- Mampu menyelesaikan masalah dengan tenang.

Kepentingan

- Memberikan identiti dan mesej positif untuk bangsa, masyarakat dan negara.
- Generasi muda dapat mengamati dan menghargainya.
- Mampu menghadapi cabaran.
- Boleh mencapai kejayaan dengan lebih bermakna.

Perasaan

- Teruja.
- Bangga.
- Gembira.
- Berterima kasih.

(A) Tandakan (✓) pada ciri-ciri jati diri yang anda miliki. Kemudian, kira jumlah markah untuk setiap jawapan pilihan.

Bil.	Jati Diri	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
1.	Proaktif			
2.	Peribadi unik			
3.	Kekuatan mental			
4.	Bercita-cita tinggi			
5.	Menghargai warisan			
6.	Sayang akan negara			
7.	Berani menghadapi risiko			
8.	Sedia menghadapi cabaran			
9.	Gigih dan bersungguh-sungguh			
10.	Mampu menyelesaikan masalah			
Jumlah				

Rujukan

Jumlah Skor pada Kotak Setuju	Tafsiran
7 – 10	Syabas, anda mempunyai jati diri yang baik!
4 – 6	Kukuhkan jati diri anda.
0 – 3	Tingkatkan jati diri anda.

Catatan: Guru boleh menyediakan pekat penghargaan untuk murid pada akhir aktiviti.



Duga Ilmu
Halaman 24

IMBAS
SAYA

(B) Baca poster dan bulatkan jawapan yang betul.

6 – 7 Februari 20__

Tempat: Kem Jaya Diri

Terbuka kepada murid berusia 17 tahun

Faedah Mengikuti Kursus: Melengkapkan diri menjadi individu yang cemerlang.

Kemahiran yang diajarkan:

- Kemahiran Komunikasi
- Kecergasan Fizikal
- Anjakan Minda

KURSUS JATI DIRI REMAJA

Hubungi urus setia melalui talian 012-3456789 untuk maklumat lanjut.



(1) Apakah manfaat yang anda peroleh ketika mengikuti Kursus Jati Diri Remaja yang ditawarkan di atas?

- (a) Mengisi masa terluang.
- (b) Membentuk peribadi yang cemerlang.

(2) Pilih satu kepentingan kemahiran-kemahiran yang diajarkan dalam kursus tersebut. 

(i) **Kemahiran Komunikasi**

- (a) Meningkatkan keyakinan diri.
- (b) Belajar mengira dengan pantasnya.

(ii) **Kecergasan Fizikal**

- (a) Membentuk daya tahan dan semangat juang.
- (b) Melatih diri menjadi seorang yang kuat dan sihat.

(iii) **Anjakan Minda**

- (a) Menjadi sihat dan cergas.
- (b) Memupuk pemikiran yang cerdas.



IMBAS
SAYA

Duga Ilmu
Halaman 25

Dalam unit ini, murid dapat:

- 1.3.1 memerihalkan maksud sikap prihatin dan kesejahteraan.
- 1.3.2 menyenaraikan ciri-ciri sikap prihatin untuk kesejahteraan bersama.
- 1.3.3 menerangkan kepentingan sikap prihatin.
- 1.3.4 melahirkan perasaan berkaitan sikap prihatin dalam pelbagai situasi.
- 1.3.5 mengamalkan sikap prihatin dalam kehidupan harian.



CADANGAN NILAI

- ▣ Bertanggungjawab
- ▣ Hemah Tinggi
- ▣ Baik Hati
- ▣ Hormat
- ▣ Kasih Sayang



RANGSANG MINDA

Bagaimanakah anda menunjukkan sikap prihatin untuk kesejahteraan bersama?



GLOSARI

Sikap prihatin: Sifat atau prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebajikan orang lain.

SIKAP PRIHATIN, KESIHATAN TERJAMIN

Fahami perbualan di bawah.

Andom merupakan seorang remaja yang mempunyai sikap prihatin. Prihatin ialah sifat atau prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebajikan orang lain. Pada suatu hari, dia mengalami gejala batuk. Dia memakai pelitup muka semasa berjumpa dengan rakannya, Rasid. Mari ikuti perbualan mereka.



1

Andom,
mengapakah kamu
memakai
pelitup muka?



2

Saya batuk. Saya tidak
mahu kuman tersebar.



3

Bagusnya kamu,
Andom. Kamu seorang
yang bertimbang rasa
dan prihatin.

4

Terima kasih, Rasid. Saya
perlu mengutamakan
kesihatan diri sendiri dan
orang lain. Saya tidak boleh
mementingkan diri sendiri.



5

Saya bangga dengan
sikap kamu. Sikap
prihatin ini penting
untuk menjamin
kesejahteraan bersama.




6

Ya, betul. Kita perlu
bersama-sama
mengamalkan sikap
prihatin agar melahirkan
masyarakat penyayang.



Kita perlu menggunakan pelitup muka apabila mempunyai gejala seperti demam, selesema, batuk dan ketika berada di tempat yang sesak dan sempit supaya mengelakkan kuman daripada tersebar. Sikap bertimbang rasa dan sopan ini penting untuk menjamin kesejahteraan bersama. Marilah kita belajar cara menggunakan pelitup muka dengan betulnya.

CARA MENGGUNAKAN PELITUP MUKA



1 Pakai sisi berwarna menghadap ke luar.



2 Tutup keseluruhan mulut dan hidung.



3 Sarung tali pada telinga.



4 Tekan kepingan logam mengikut bentuk hidung.

(Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020)



Nyatakan situasi lain yang memerlukan kita menggunakan pelitup muka.

1.3.1
1.3.2
1.3.3
1.3.4
1.3.5

NOTA GURU



- Bimbing murid membasuh tangan sebelum menggunakan pelitup muka.
 - Bimbing murid mengetahui kebaikan menggunakan pelitup muka.
- Nilai: Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Baik Hati, Hormat, Kasih Sayang

PRIHATIN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Bincangkan maklumat berikut:

MAKLUMAT A

JOM JIMAT ELEKTRIK



PANDUAN PENJIMATAN ELEKTRIK

Tutup suis lampu dan barangan elektrik apabila tidak digunakan.

- Perkakas komputer.
- Penyaman udara.



Gunakan mentol jimat tenaga.

- Diod Pemancar Cahaya [*Light Emitting Diode* (LED)].



Gunakan teknologi *inverter*.

- Menjimatkan tenaga elektrik.
- Membolehkan peralatan elektrik berfungsi dengan cekapnya.



Penjimatan Elektrik



Teknologi *Inverter* (Teks)

IMBAS SAYA

KATAKAN "TIDAK" KEPADA STRAW PLASTIK

Kesan buruk menggunakan straw plastik

- Merosakkan **ekosistem** hidupan laut.
- Mengakibatkan kematian hidupan laut.
- Menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Mari bersama-sama mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini

- Melarang penggunaan straw plastik.
- Menggunakan straw yang mesra alam.
- Minum terus daripada gelas.

PAK- 21

LAUNGAN

- (1) Murid digalakkan untuk memberikan idea tentang isu alam sekitar dengan laungan yang kuat dalam sesi sumbang saran. Idea tersebut akan dicatat pada kertas atau papan putih.
- (2) Guru menyusun perkongsian idea murid semula.
- (3) Guru mengadakan perbincangan bersama-sama dengan murid.

GLOSARI

Ekosistem: Sistem lingkungan hidup semula jadi yang terbentuk sebagai hasil daripada tindakan yang menyalang antara benda-benda hidup dengan persekitarannya.

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari maklumat yang berkaitan dengan isu alam sekitar melalui Internet.

Nilai: Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Baik Hati, Kasih Sayang

KITA PRIHATIN, KITA BANTU

Lakonkan cerita berikut:


Mohan berjalan kaki ke sekolah pada setiap hari. Suatu pagi, ketika sampai di sekolah, Mohan ternampak kereta ibu rakannya berhenti di tempat letak kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU).



Tanpa melengahkan masa, Mohan terus tampil untuk membuka pintu kereta dan mengucapkan selamat pagi kepada rakannya, Sabri. Sabri tersenyum lebar apabila berjumpa dengan Mohan.

Mohan memapah Sabri yang menghadapi masalah fizikal keluar dari kereta secara perlahan-lahan sementara menunggu ibu Sabri menolak kerusi roda.

Jangan risau, mak cik. Saya sedia membantu.



Setelah Mohan membantu Sabri duduk di atas kerusi roda, ibu Sabri mengucapkan terima kasih sambil memberikan wang sebagai tanda penghargaan tetapi ditolak oleh Mohan.



Mujur mak cik berjumpa dengan kamu. Terima kasih kerana ambil peduli tentang Sabri.

Tidak mengapa, mak cik. Saya ikhlas membantu.

NOTA BESTARI

Tempat letak kenderaan OKU merupakan satu daripada kemudahan ekuiti yang disediakan oleh pihak berwajib. Ekuiti bermaksud pemilikan sama rata dalam sesebuah organisasi. Pada peringkat sekolah, kewujudan ekuiti bertujuan untuk merapatkan jurang antara Murid Berkeperluan Khas (MBK) dengan murid arus perdana.

SANTAI MINDA

Pernahkah anda membantu orang yang berada dalam kesusahan? Kongsikan pengalaman anda.

SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Pada pendapat anda, mengapakah Mohan tidak menerima wang tersebut?

NOTA GURU

- 1.3.2
- 1.3.4
- 1.3.5

- Bimbing murid menunjukkan ekspresi muka dan bahasa tubuh yang sesuai semasa sesi lakonan.
 - Bimbing murid mempelbagaikan situasi berdasarkan sikap prihatin untuk kesejahteraan bersama.
- Nilai: Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Baik Hati, Hormat, Kasih Sayang

ETIKA BATUK DAN BERSIN

Hasilkan infografik Etika Batuk dan Bersin.

Bahan dan Peralatan:

- Kertas putih
- Mesin pencetak
- Pen warna
- Templat infografik



Panduan Pelaksanaan:

- (1) Cetak templat infografik tentang etika batuk dan bersin.
- (2) Hiaskan templat tersebut mengikut kreativiti sendiri.
- (3) Tampilkan infografik Etika Batuk dan Bersin di sudut Pendidikan Moral.

ETIKA BATUK DAN BERSIN

Cuci tangan dengan air dan sabun atau pensanitasi tangan.

Palingkan muka daripada orang lain.

Jangan berkongsi tisu atau sapu tangan dengan orang lain.

Tutup hidung dan mulut anda dengan tisu atau sapu tangan ketika batuk atau bersin.

Elakkan pergi ke tempat yang sesak.

Buang tisu ke dalam tong sampah bertutup.

Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut selepas batuk atau bersin.



(Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020)



Nyatakan kepentingan mematuhi etika batuk dan bersin.



IMBAS
SAYA

Templat Etika Batuk dan Bersin (Imej)

- Bimbing murid mematuhi etika batuk dan bersin melalui aktiviti yang dijalankan. Nilai: Bertanggungjawab, Hemah Tinggi, Baik Hati, Hormat, Kasih Sayang

SIKAP PRIHATIN UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA

Maksud sikap prihatin

Sifat atau prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebajikan orang lain.

Ciri-ciri sikap prihatin

- Sopan.
- Ikhlas.
- Ambil peduli.
- Bertimbang rasa.
- Sedia membantu.

Kepentingan mengamalkan sikap prihatin

- Menjamin kesejahteraan bersama.
- Melahirkan masyarakat penyayang.

Perasaan apabila mengamalkan sikap prihatin

- Bangga.
- Berterima kasih.

(A) Isi tempat kosong berdasarkan jawapan pilihan yang diberikan.






penyayang

bangga

kebajikan

prihatin

ikhlas

- (1) Sikap prihatin membawa maksud sifat atau prinsip yang mengutamakan _____  orang lain demi ketenteraman masyarakat.
- (2) Antara ciri sikap prihatin termasuklah bertimbang rasa, _____ , ambil peduli dan sedia membantu orang lain.
- (3) Sikap prihatin penting diamalkan oleh setiap individu agar melahirkan masyarakat _____  dan menjamin kesejahteraan bersama.
- (4) Saya berasa _____  apabila mengamalkan sikap prihatin dalam kehidupan harian.
- (5) Kita perlu mempunyai sikap _____  dan mengambil tahu tentang jiran tetangga bagi mewujudkan komuniti yang sejahtera.

(B) Cari perkataan yang tersembunyi berdasarkan jawapan pilihan di atas.

B	C	K	W	P	A	E	W	P	X	U
G	V	S	A	R	D	M	D	L	J	P
O	R	A	L	I	F	S	M	O	F	D
I	S	Z	K	H	I	C	R	W	G	B
K	A	P	Y	A	K	U	S	M	E	A
H	B	X	O	T	H	X	J	E	M	N
L	D	F	H	I	L	D	Q	S	B	G
A	E	P	E	N	Y	A	Y	A	N	G
S	B	O	P	Y	S	T	R	T	R	A
J	P	R	N	T	I	N	G	Z	A	E
T	K	E	B	A	J	I	K	A	N	A



Duga Ilmu
Halaman 36

IMBAS
SAYA

(C) Padankan gambar dengan amalan sikap prihatin dan kesejahteraan.



Memberikan sumbangan dalam bentuk tenaga atau kewangan sebagai tanda menyokong aktiviti kemasyarakatan.



Membuat aduan kepada pihak berkuasa tentang aktiviti pembakaran secara terbuka yang menjejaskan alam sekitar.



Menggunakan beg mesra alam ketika membeli-belah supaya alam sekitar terpelihara.



Memberikan kerjasama yang baik kepada pihak sekolah dan pihak polis bagi mencegah salah laku disiplin murid.



Duga Ilmu
Halaman 37

IMBAS
SAYA

Dalam unit ini, murid dapat:

- 1.4.1 menjelaskan maksud konflik remaja.
- 1.4.2 menjelaskan contoh konflik remaja dalam kehidupan.
- 1.4.3 membuat pertimbangan dalam menangani konflik remaja secara rasional.
- 1.4.4 melahirkan perasaan berkaitan pengurusan konflik secara rasional dalam kehidupan harian.
- 1.4.5 mengamalkan penyelesaian konflik remaja secara rasional dalam kehidupan harian.



CADANGAN NILAI

- ▣ Bertanggungjawab
- ▣ Rasional
- ▣ Keberanian
- ▣ Berdikari
- ▣ Harga Diri
- ▣ Kebebasan



RANGSANG MINDA

Berikan pandangan anda terhadap remaja dalam situasi kedua-dua gambar. Mengapakah keadaan ini berlaku?



GLOSARI

Konflik: Perselisihan atau pertentangan antara individu atau idea.

Konflik remaja: Isu yang dihadapi oleh remaja yang melibatkan percanggahan, kecelaruan atau pergolakan remaja.

KONFLIK CINTA REMAJA

Baca konflik remaja di bawah.

Remaja selalu berhadapan dengan cabaran baharu. Isu yang dihadapi melibatkan percanggahan, kecelaruan dan pergolakan dalam diri mereka. Antaranya termasuklah terjebak dengan **cinta monyet**. Ikuti kisah Siew Lian dan Kian Joo.


Patutkah saya menerima cinta Kian Joo? Saya akui selesa berkawan baik dengannya. Lebih baik saya minta pandangan daripada kaunselor.



GLOSARI

Cinta monyet: Cinta sementara dan tidak serius, terutamanya dalam kalangan remaja.

Siew Lian berjumpa dengan orang yang dipercayainya bagi mendapatkan khidmat nasihat. Siew Lian berbincang dengan kaunselor, Cikgu Janet tentang konflik yang dihadapinya.



1 Cikgu, saya buntu sekarang ini. Apakah yang patut saya lakukan?

3 Pada pendapat saya, sebagai murid, fokus utama saya ialah belajar dengan bersungguh-sungguh untuk masa depan yang lebih baik. Bercinta pada masa sekarang akan mengganggu fokus dan waktu belajar saya.

2 Apakah tindakan terbaik yang boleh awak lakukan dalam situasi ini?

4 Nampaknya awak telah membuat satu tindakan yang terbaik untuk diri sendiri. Syabas!

SANTAI MINDA

- (1) Mengapakah bercinta di bangku sekolah tidak digalakkan?
- (2) Bagaimanakah anda mengatasi masalah ini jika berlaku ke atas diri anda?

1.4.1
1.4.2
1.4.3
1.4.4
1.4.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami maksud cinta monyet.
- Guru boleh membincangkan kesan bercinta di bangku sekolah secara terperinci. Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Keberanian, Berdikari, Harga Diri, Kebebasan

AIR DICINCANG TIDAK AKAN PUTUS

Diari ialah buku catatan harian tentang peristiwa yang berlaku. Catatan rekod bertulis ini berkisar tentang pemikiran, perasaan dan pengalaman.

(A) Baca diari di bawah.

Diari Saya

1 April

Mengapakah keluarga saya selalu membanding-bandingkan kemampuan saya dengan adik-beradik yang lain? Kakak selalu disebut-sebut menjadi contoh terbaik dalam pelajaran. Keadaan ini menyebabkan saya rasa tersisih. Saya sangat kecewa.



5 April

Saya terlalu mengikut hati dan emosi. Tidak patut saya berfikir begitu terhadap keluarga. Perasaan cemburu ini boleh menyebabkan saya bermasam muka dengan kakak.

Saya berterima kasih kepada ibu bapa kerana memberikan layanan yang sama kepada kami. Saya malu jika ibu bapa saya tahu saya meluahkan perasaan melalui diari ini.

Maafkan saya ibu, ayah...



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Andaikan anda berada dalam situasi di atas, apakah tindakan yang anda perlu lakukan?

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami maksud diari dan contoh konflik lain yang dihadapi oleh mereka.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Keberanian, Berdikari, Harga Diri, Kebebasan

(B) Baca teks di bawah.

Emosi memainkan peranan penting dalam mengawal tindakan. Emosi yang tidak dikawal akan menyebabkan kita mengambil tindakan yang negatif. Emosi ini boleh menimbulkan perasaan kurang senang dan merenggangkan hubungan kekeluargaan. Keadaan ini amat membahayakan jika tidak diambil tindakan segera.

Yang berikut ialah langkah-langkah mengawal emosi semasa menangani konflik yang boleh dicontohi:

Langkah-langkah Mengawal Emosi semasa Menangani Konflik



(Sumber dipetik dan diubah suai daripada *Penyediaan Diri ke Arah Pembentukan Modal Insan, 2007*)



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Bincangkan kesan jika tiada kawalan emosi semasa menangani konflik.

1.4.3
1.4.4
1.4.5

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk membuat pertimbangan dalam menangani konflik remaja secara rasional.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Keberanian, Berdikari, Harga Diri, Kebebasan

REMAJA DAN ISU KONFLIK

(A) Baca isu berikut:

1 Harapan Tinggi Ibu Bapa



Adik, jangan hampakan harapan ibu bapa kita. Mereka sangat berharap agar adik berjaya dengan cemerlangnya.

Konflik yang dihadapi: Tekanan keluarga.

Kesan tekanan keluarga: Remaja terdorong untuk bertindak di luar jangkauan.

2 Gangguan Seksual



Maaf, tolong jangan letakkan tangan awak di bahu saya.

Konflik yang dihadapi: Mengelak daripada gangguan seksual.

Kesan asertif: Maruah diri terpelihara.

GLOSARI

Gangguan seksual: Perlakuan yang kurang disenangi melalui kata-kata lucu, isyarat dan sentuhan yang berunsur seks.

Asertif: Individu yang tegas, melahirkan perasaan dan hak-hak dirinya secara terus terang tanpa mencabuli hak orang lain.

(B) Ikuti panduan penyelesaian konflik di bawah.

Penyelesaian konflik adalah sangat penting dan merupakan kemahiran yang perlu dikuasai.

1 Fahami Isu dan Kawal Emosi

Fahami perkara yang menimbulkan perasaan kurang senang supaya dapat belajar mengawalinya.

2 Bersikap Terbuka

Luahkan perasaan kepada pihak yang terbabit. Bersikap terbuka dan sopan tetapi tegas.

3 Berbincang Bersama-sama

Cari tempat yang sesuai untuk berbincang. Semua pihak bersetuju untuk menyelesaikan isu dan menerima peraturan yang ditetapkan.

4 Fikirkan Cara Penyelesaian

Bincangkan semua pilihan dan benarkan pihak yang terlibat menyuarakan pendapat. Bertolak ansur dan nyatakan persetujuan terhadap cara penyelesaian yang dipilih.

5 Fokus pada Isu Utama

Tumpu pada masalah utama ketika berbincang mengenai sesuatu konflik.

6 Dapatkan Bantuan Orang Lain Jika Masih Buntu

Jika semua pihak yang terlibat tidak mencapai kata sepakat, orang yang berkecuali mungkin boleh menjadi orang tengah.

(Sumber dipetik dan diubah suai daripada <http://www.myhealth.gov.my/penyelesaian-konflik-bagi-remaja/>)

PAK-21

Catatan Fikiran

- (1) Secara berkumpulan, murid diberi beberapa helai nota pelekat.
- (2) Bincangkan konflik remaja di bawah ini dan cara menyelesaikannya:
 - Isu memandu kenderaan tanpa lesen
 - Isu pergaulan bebas
- (3) Ahli kumpulan berfikir dan menulis idea serta cara menyelesaikannya pada nota pelekat.
- (4) Ketua kumpulan membuat pembentangan.

NOTA GURU1.4.2
1.4.3
1.4.4

- Bimbing murid memahami isu yang berkaitan.
 - Guru boleh memberikan kata kunci jawapan agar murid boleh memberikan jawapan yang tepat.
- Nilai: Keberanian, Kebebasan, Bertanggungjawab, Rasional

REDAKAN KONFLIK, HIDUP BERKUALITI

Mari lakukan.

Tumbuh-tumbuhan hijau ialah unsur terapi minda untuk menenangkan fikiran. Fikiran yang kusut akan menjadi tenang apabila kita melihat kehijauan warna pokok.


Tanam pokok hijau untuk dihadiahkan kepada sahabat anda yang sedang menghadapi stres.

1



Bahan dan Peralatan: pokok, tanah, pasu kecil, sarung tangan, penyodok, air

2



Masukkan tanah ke dalam pasu.

3



Gali lubang menggunakan penyodok untuk menanam pokok.

4



Masukkan pokok ke dalam lubang.

5



Tutup lubang dengan tanah. Tekan tanah di sekeliling pokok.

6



Siram pokok yang telah ditanam.

Semoga pokok ini dapat menenangkan jiwa sahabat saya.

Pokok yang ditanam boleh dihias cantik dan kemas.



PENGURUSAN KONFLIK REMAJA

Maksud

- Isu yang dihadapi oleh remaja yang melibatkan percanggahan, kecelaruan atau pergolakan remaja.

Contoh Konflik Remaja

- Bercinta di bangku sekolah.
- Persaingan pencapaian adik-beradik.
- Tekanan keluarga.
- Gangguan seksual.

Cara Penyelesaian Konflik

- Memahami dan mengawal perasaan.
- Berbincang bersama-sama.
- Fokus pada isu utama.
- Mendengar pendapat pihak lain.
- Bersikap terbuka.
- Memikirkan cara penyelesaian.
- Mendapatkan bantuan orang lain jika perlu.

Kesan Penyelesaian Konflik

- Hidup tenang.
- Mengurangkan gejala negatif.
- Fokus pada pelajaran.

(A) Jawab soalan berikut.

**Remaja perlu bertanggungjawab
atas kesalahan bawa kenderaan
ke sekolah**

**Tindakan tegas terhadap
remaja bawah umur yang
menunggang motosikal**

**Remaja curi-curi bawa
kenderaan ibu bapa ke sekolah**

- (1) Pada pandangan anda, apakah konflik yang dihadapi oleh remaja berdasarkan tajuk-tajuk akhbar di atas?
- Kebebasan diri.
 - Pergaulan bebas.
 - Masalah keluarga.
 - Melanggar undang-undang.
- (2) Apakah kesalahan yang dilakukan oleh remaja yang terlibat dengan konflik di atas?
- Menipu ibu bapa.
 - Mencuri motosikal.
 - Ingkar arahan ibu bapa.
 - Membawa kenderaan tanpa lesen.
- (3) Nyatakan kesan konflik remaja ini terhadap ibu bapa mereka.





Duga Ilmu
Halaman 48

IMBAS
SAYA

(B) Lengkapi pernyataan di bawah.



Ana Silung mempunyai tanda lahir berwarna coklat yang besar di wajahnya. Keadaan ini menyebabkan dirinya berasa sangat malu apabila berhadapan dengan orang lain. Dia selalu menyendiri dan berasa tidak yakin pada dirinya. Keadaan itu memberikan kesan emosi yang mendalam.

Andaikan anda ialah Ana Silung, lengkapi pernyataan di bawah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Konflik: Malu dan tiada keyakinan diri untuk berjumpa dengan orang

Membuat Pertimbangan

Sekiranya saya berjumpa dengan orang, saya akan ...

- (1) _____
- (2) _____
- (3) _____

Sekiranya saya enggan berjumpa dengan orang, saya akan ...

- (1) _____
- (2) _____
- (3) _____

KEPUTUSAN



Duga Ilmu
Halaman 49

**IMBAS
SAYA**

Dalam unit ini, murid dapat:

- 1.5.1 menjelaskan maksud pengurusan sumber maklumat secara bertanggungjawab.
- 1.5.2 menyenaraikan kepentingan menggunakan sumber maklumat secara bertanggungjawab dalam kehidupan dan memberi contohnya.
- 1.5.3 menggunakan sumber maklumat secara bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri.
- 1.5.4 mendapatkan maklumat daripada sumber yang sah dan boleh dipercayai.
- 1.5.5 menggunakan sumber maklumat secara bertanggungjawab untuk kesejahteraan bersama.

CADANGAN NILAI

- Bertanggungjawab
- Rasional
- Berdikari
- Keberanian



Aplikasi 'Jom Berseimbang'



Perbualan baharu



Sahabat Sejati

Kumpulan dicipta pada 7 Mac, 8:00 pagi

4 peserta



Anda (Carol)



Kai Yang



Idura




Prakash

Carol telah berkongsi maklumat secara spontan semasa perbincangan kumpulan dalam talian. Mari kita bersama-sama lihat reaksi rakannya.



Sahabat Sejati



Salam semua, saya baru terima berita bahawa beberapa lokasi berikut mempunyai kes jangkitan virus COVID-19.

Taman Sinar Gemilang
Kompleks Matahari

Anda • 8:15 pagi

Betulkah berita ini, Carol? ✓✓

Idura • 8:26 pagi



Saya rasa ini berita palsu. ✓✓

Kai Yang • 8:30 pagi



Tidak pasti. Saya hanya berkongsi berita ini semula.

Anda • 8:33 pagi



Lebih baik kamu pastikan kesahihan maklumat itu.
Tidak pasti, jangan kongsi. ✓✓

Kai Yang • 8:35 pagi



Ya. Berkongsi berita palsu akan menyebabkan
orang ramai huru-hara. ✓✓

Prakash • 8:40 pagi



Baik, terima kasih atas teguran kalian.

Anda • 8:45 pagi



Hantar mesej



RANGSANG MINDA

Apakah tindakan anda apabila menerima sebarang maklumat dalam media sosial?



GLOSARI

Pengurusan: Perbuatan menyelenggarakan sesuatu supaya berjalan dengan baiknyaa.

Kesejahteraan: Keamanan dan keselamatan.

KEPENTINGAN MENGGUNAKAN SUMBER MAKLUMAT SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Fahami pengurusan sumber maklumat berikut:

PENGURUSAN
SUMBER MAKLUMAT



Pengurusan sumber maklumat bermaksud seseorang dapat menggunakan sumber maklumat yang diterima dengan berkesan dan baiknya.

KEPENTINGAN MENGGUNAKAN SUMBER MAKLUMAT SECARA BERTANGGUNGJAWAB

- 1** Menghalang penyebaran maklumat palsu. → Kesejahteraan dan keharmonian masyarakat terjamin.
- 2** Mengelakkan teretusnya konflik. → Pergaduhan dan salah faham dalam masyarakat dapat dielakkan.
- 3** Mencegah kes **jenayah siber**. → Harta benda masyarakat dapat dilindungi dengan baiknya.
- 4** Menjaga imej rakyat dan negara. → Nama baik dan maruah negara terpelihara.

GLOSARI

Jenayah: Perbuatan salah di sisi undang-undang.

Siber: Berkaitan dengan komputer atau Internet.

CARA MENGGUNAKAN SUMBER MAKLUMAT SECARA BERHEMAH

- 1 Mematuhi etika penggunaan sumber maklumat.
- 2 Mendapatkan maklumat daripada sumber yang sah seperti dalam laman web rasmi.
- 3 Menilai ketepatan maklumat yang diterima.
- 4 Memastikan kesahihan maklumat sebelum disebar.
 - 4.1 Memastikan maklumat yang diterima adalah sahih.
 - 4.2 Memastikan maklumat yang diterima adalah tepat.
 - 4.3 Memastikan maklumat yang diterima adalah terkini.
 - 4.4 Memastikan maklumat yang diterima adalah relevan.
- 5 Berkongsi sumber maklumat yang sahih.

KESIMPULAN

Kita menerima pelbagai maklumat setiap hari, namun bukan semua maklumat itu sahih. Pengurusan sumber maklumat penting demi kesejahteraan bersama.




Bagaimanakah anda mengurus sumber maklumat yang diterima?



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Ramalkan kesan sekiranya kita tidak menggunakan sumber maklumat secara berhemah.



NOTA GURU

1.5.1
1.5.2
1.5.3
1.5.4
1.5.5

- Bimbing murid menyatakan maksud penggunaan sumber maklumat secara berhemah.
 - Bimbing murid menerangkan kepentingan menggunakan sumber maklumat dalam kehidupan harian.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Berdikari

SUMBER SAHIF, HIDUP SELAMAT

Bincangkan situasi berikut:

Kita menerima dan berkongsi maklumat daripada pelbagai sumber setiap hari. Maklumat sahif penting untuk meningkatkan kualiti hidup bagi mengekalkan kesejahteraan masyarakat.

Pameran
kerjaya?

Laman web
rasmi?

Situasi I

Saya akan tamat tingkatan 5 tahun ini. Saya ingin memperoleh maklumat mengenai peluang **kerjaya**. Di manakah saya boleh mendapatkan sumber yang sahif? Kesan sekiranya tiada sumber yang sahif:

- Tiada hala tuju.
- Hilang peluang.
- Masa depan terjejas.

GLOSARI

Kerjaya: Profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah.



IMBAS
SAYA

Laman Web Membina
Kerjaya dan Persaraan
(Pautan)

Situasi 2

Saya risau akan kes COVID-19.

Saya banyak menerima mesej dalam kalangan rakan saya tetapi saya tidak pasti maklumat yang tepat.

Kesan sekiranya tiada maklumat yang tepat:

- ➔ Menimbulkan kerisauan.
- ➔ Menjejaskan kestabilan negara.
- ➔ Mengancam ketenteraman awam.



Wajarkah tindakan pengguna media sosial menyebarkan maklumat tanpa menentukan kesahihannya? Mengapa?



COVID-19 (Pautan)

IMBAS SAYA



Sebenarnya.my merupakan sebuah pusat sehati bagi rakyat Malaysia untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya.



Sebenarnya.my (Pautan)

IMBAS SAYA



1.5.3
1.5.4
1.5.5

NOTA GURU

- Bimbing murid menguasai cara untuk mendapatkan sumber maklumat yang sahih.
 - Bimbing murid menggunakan sumber maklumat demi kesejahteraan bersama.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

INI RAHSIA SAYA

(A) Teliti panduan kod rahsia yang diberikan.

A	B	C	D	E	F	G
H	I	J	K	L	M	N
O	P	Q	R	S	T	U
V	W	X	Y	Z		

UNIT 5

Yang berikut merupakan contoh kod rahsia yang telah diterjemahkan:

Contoh:

S U M B E R S A H I H

(B) Anda seorang detektif. Cuba selesaikan misteri di bawah berpandukan kod rahsia yang diberikan. Apakah rahsiannya? Selamat mencuba.

CARTA ALIRAN PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT

1 



_____ maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai.



2 



_____ ketepatan sumber maklumat yang diterima.




3 



_____ sumber maklumat yang diterima adalah sah.





4 



_____ sumber maklumat yang sah.



Syabas, anda berjaya mengurus sumber maklumat secara bertanggungjawab!

-  Bimbing murid menggunakan koordinasi mata dan tangan.
 -  Guru boleh mempelbagaikan aktiviti mengikut panduan kod rahsia.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Toleransi

PANDUAN MENDAFTARKAN AKAUN E-MEL

Baca dan turuti langkah-langkah di bawah untuk mendaftarkan akaun e-mel.

E-mel merupakan maklumat atau mesej yang lazimnya dihantar secara elektronik dari satu terminal komputer ke terminal komputer yang lain. E-mel sudah menjadi satu bentuk komunikasi yang penting untuk urusan rasmi. Sebagai contoh, e-mel digunakan untuk berhubung dengan syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan. Marilah kita bersama-sama belajar cara untuk mendaftarkan akaun e-mel.

Langkah 1

Daftar akaun e-mel

Untuk mendaftarkan akaun, anda boleh menggunakan nama pengguna dan kata laluan untuk log masuk.

1. Layari halaman pendaftaran akaun e-mel.
2. Ikut langkah pada skrin untuk mendaftarkan akaun anda.
3. Gunakan akaun yang telah anda daftarkan untuk log masuk ke e-mel.

Cipta akaun

1 Klik kotak "Cipta akaun" untuk mendaftarkan akaun e-mel anda.

Langkah 2

2

Isikan nama pertama dan nama keluarga anda.

Cipta akaun e-mel anda

Nama pertama
amarjit

Nama keluarga
kaur

Langkah 3

Nama pengguna
amarjitkaur899 @e-mel.com

Anda boleh menggunakan huruf, nombor dan noktah. **Sebaliknya, gunakan alamat e-mel semasa saya**

Kata laluan
.....

Sahkan
.....

Gunakan sekurang-kurangnya 8 aksara dengan gabungan huruf, nombor dan simbol.

3

Masukkan:

- alamat e-mel yang diingini
- kata laluan



Langkah 4

Buat akaun e-mel anda

Nama pertama Nama keluarga

Nama pengguna

Anda boleh menggunakan huruf, nombor dan noktah.
Sebaliknya, gunakan alamat e-mel semasa saya

Kata laluan Sahkan

Gunakan sekurang-kurangnya 8 aksara dengan gabungan huruf, nombor dan simbol.

[Sebaliknya, log masuk](#)

4 Sahkan kata laluan anda.

Langkah 5

5 Masukkan:

- negara
- nombor telefon
- tarikh lahir
- jantina

amarjitkaur899@e-mel.com

Nombor Telefon (pilihan)

Kami akan menggunakan nombor anda untuk tujuan keselamatan akaun. Nombor itu tidak akan dapat dilihat oleh orang lain.

Alamat e-mel pemulihan (pilihan)

Kami akan menggunakan e-mel ini untuk memastikan akaun anda selamat.

Tarikh lahir anda

Hari Bulan Tahun

Jantina

Langkah 6

Sila baca terma dan syarat di bawah. Sekiranya anda bersetuju, klik kotak "Saya setuju". Jika sebaliknya, klik "Batal".

TERMA DAN SYARAT

6 Klik kotak "Saya setuju".

- 1.5.3
- 1.5.4
- 1.5.5

NOTA GURU

- Bimbing murid mematuhi etika penggunaan Internet.
- Bimbing murid mendaftarkan akaun e-mel dengan menggunakan perkhidmatan e-mel yang sesuai.
- Bimbing murid mengirim dan membalas e-mel kepada rakan dengan sopannya. Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Hemah Tinggi, Hormat

PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA

MAKSUD PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT

Seseorang dapat menggunakan sumber maklumat yang diterima dengan berkesan dan baiknya.

CARA MENGGUNAKAN SUMBER MAKLUMAT SECARA BERHEMAH

- Mematuhi etika penggunaan sumber maklumat.
- Mendapatkan maklumat daripada sumber yang sah seperti dalam laman web rasmi.
- Menilai ketepatan maklumat yang diterima.
- Memastikan kesahihan maklumat sebelum disebarkan.
- Berkongsi sumber maklumat yang sahih.

KEPENTINGAN MENGGUNAKAN SUMBER MAKLUMAT SECARA BERTANGGUNGJAWAB

- Menghalang penyebaran maklumat palsu.
- Mengelakkan tercetusnya konflik.
- Mencegah kes jenayah siber.
- Menjaga imej rakyat dan negara.

KESAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG TIDAK SAHIF

- Tiada hala tuju.
- Hilang peluang.
- Masa depan terjejas.
- Menimbulkan kerisauan.
- Menjejaskan kestabilan negara.
- Mengancam ketenteraman awam.

(A) Jawab soalan berikut:



(1) Apakah kesan sekiranya penyebaran berita palsu tidak ditangani dengan segeranya?

(a) diri



(b) masyarakat



(2) Apakah perasaan anda apabila mendapati bahawa berita yang anda terima adalah palsu?



(3) Wajarkah tindakan penyebaran berita palsu dalam kalangan pengguna media sosial? Berikan alasan anda.





Duga Ilmu
Halaman 61

(B) Lengkapkan jadual di bawah dengan mengenal pasti tindakan yang bertanggungjawab dan tindakan yang tidak bertanggungjawab semasa menggunakan sumber maklumat.

Melayari laman web rasmi

Mempercayai segala berita tanpa disemak

Mendedahkan maklumat yang sulit

Mematuhi etika penggunaan media sosial

Berkongsi sumber maklumat yang sahih

Memuat naik isu yang sensitif

Tindakan bertanggungjawab

1



2



3



Tindakan tidak bertanggungjawab

1



2



3





Duga Ilmu
Halaman 62

IMBAS
SAYA

TEMA

2

**MORAL DAN
KENEGARAAN**



PENGLIBATAN DIRI UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Dalam unit ini, murid dapat:

- 2.1.1 mengenal pasti agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
- 2.1.2 menyenaraikan contoh program untuk kesejahteraan masyarakat yang dilaksanakan oleh badan kerajaan dan NGO.
- 2.1.3 menjelaskan kebaikan melibatkan diri dalam program kesejahteraan masyarakat yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan NGO.
- 2.1.4 mencari maklumat dalam memilih agensi kerajaan dan NGO yang menawarkan program kesejahteraan masyarakat untuk disertai.
- 2.1.5 penglibatan diri dalam program yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan NGO untuk kesejahteraan masyarakat.



CADANGAN NILAI

- ▣ Bertanggungjawab
- ▣ Patriotisme
- ▣ Rasional
- ▣ Kebebasan
- ▣ Berdikari
- ▣ Kerjasama



RANGSANG MINDA

Terangkan aktiviti yang dilakukan berdasarkan gambar.

Ceritakan pengalaman penglibatan anda dalam aktiviti kemanusiaan.



GLOSARI

Kesejahteraan: Keadaan sejahtera, keamanan dan keselamatan.

NGO (Non-Government Organisation): Pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan untuk memperjuangkan suatu kepentingan awam dan bukannya individu atau komersial.

KE ARAH WARGA SEJAHTERA

Baca dan fahami teks.

Setiap individu memerlukan kesejahteraan dalam kehidupan masing-masing. Kesejahteraan ini merujuk persekitaran yang sejahtera, aman dan selamat. Bagi mencapai hasrat tersebut, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertanggungjawab menyampaikan perkhidmatan masing-masing kepada rakyat. Sehubungan dengan itu, kita perlulah bersama-sama memberikan sokongan dan melibatkan diri dalam program yang dianjurkan.

KESEJAHTERAAN

Agensi Kerajaan
dan Pertubuhan
Bukan Kerajaan
(NGO)

Contoh
Program

Contoh
Penglibatan

Manfaat kepada
Masyarakat



Pusat Latihan
Perindustrian dan
Pemulihan

Karnival Kerjaya
JobsMalaysia
@PLPP Bangi.

Menghadiri
program yang
disediakan.

Meningkatkan
pengetahuan tentang
peluang kerjaya, latihan
vokasional dan pemulihan
perubatan OKU.



Persatuan Pandu Puteri
Malaysia

Sambutan Hari
Peringatan Sedunia.
Tema: *Let's Grow*

Menyertai aktiviti
yang dilaksanakan
dalam program
tersebut.

Memberikan kesedaran
tentang kelestarian
alam sekitar.



Persatuan Orang Buta
Malaysia

Menonton wayang
menggunakan
teknologi *Audio
Description* (AD).

Menonton wayang
bersama-sama
dengan
warga OKU
masalah
penglihatan.

Warga OKU masalah
penglihatan dapat
memahami apa-apa
yang didengar
kerana teknologi AD
membolehkan babak
diterangkan kepada
penonton.

KEAMANAN

Agensi Kerajaan
dan Pertubuhan
Bukan Kerajaan
(NGO)



Polis Diraja Malaysia

Contoh
Program

*Volunteer
Smartphone
Patrol (VSP)*

Contoh
Penglibatan

Membuat aduan
jenayah melalui
aplikasi yang dimuat
turun ke dalam
telefon bimbit.

Manfaat kepada
Masyarakat

Memudahkan
masyarakat
menyalurkan aduan
di kawasan komuniti.



Yayasan Pencegahan
Jenayah Malaysia

Mewujudkan
Kelab Pencegahan
Jenayah untuk
murid sekolah
rendah dan
menengah.

Menyertai Kelab
Pencegahan
Jenayah
di sekolah.

Mewujudkan kesedaran
tentang cara-cara
mencegah jenayah.

KESELAMATAN

Agensi Kerajaan
dan Pertubuhan
Bukan Kerajaan
(NGO)

MIROS

Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya
Malaysia (MIROS)

Contoh
Program

Pendidikan
Keselamatan
Jalan Raya dalam
kurikulum sekolah.

Contoh
Penglibatan

Menjayakan
Kempen
Keselamatan
Jalan Raya.

Manfaat kepada
Masyarakat

Mengurangkan
kesalahan dan
kemalangan jalan raya.



Gabungan
Persatuan-Persatuan
Pengguna Malaysia (FOMCA)

Kempen
Membawa Bekal
untuk Makanan
Tengah Hari.

Menyokong kempen
tersebut dengan
membawa makanan
dari rumah.

Menjimatkan kos
di samping menjamin
kualiti makanan yang
dimakan.



- (1) Pilih satu daripada agensi kerajaan atau NGO dan huraikan penglibatan anda.
- (2) Nyatakan kesan penglibatan anda dalam program yang dianjurkan.



*Volunteer
Smartphone
Patrol (VSP)*
(Pautan)

**IMBAS
SAYA**



Pusat Latihan
Perindustrian
dan
Pemulihan
(PLPP)
(Pautan)

**IMBAS
SAYA**


2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.4
2.1.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami dan menyenaraikan fungsi agensi kerajaan dan NGO yang terdapat di kawasan mereka.
- Nilai: Bertanggungjawab, Patriotisme, Rasional, Kebebasan, Berdikari

MESEJ KOMUNITI SEJAHTERA

Fahami mesej di bawah.



MESEJ KOMUNITI Radio 2 dengan bangganya menyokong Kempen Derma Darah untuk menampung bekalan di Pusat Darah Negara.



Mengapakah kita perlu menderma darah?

Setiap individu mempunyai kebarangkalian memerlukan darah. Sehingga kini, masih belum ada produk darah sintetik yang boleh menggantikan produk darah sepenuhnya. Amalan menderma darah merupakan amalan mulia dan boleh menyelamatkan seseorang yang memerlukannya.

Statistik menunjukkan kadar pendermaan darah dalam kalangan penduduk Malaysia ialah 2.3% dan sasaran ini perlu dipertingkatkan kepada 3 hingga 3.5%.



Di manakah hendak menderma darah?

Kita boleh menderma darah di Pusat Darah Negara, Suite Pendermaan Darah di Mid Valley, Kuala Lumpur; Puspanitapuri, Putrajaya; tabung-tabung darah di hospital seluruh negara serta melalui Kempen Derma Darah yang dianjurkan.

Ayuh, jadilah adiwira, dermalah darah untuk manfaat dan kesejahteraan masyarakat!

Pesanan Mesej Komuniti ini dibawakan oleh Radio 2 untuk Slot Info.



(Sumber: Pusat Darah Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020)

(Sumber: Pusat Darah Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020)

KRITERIA UNTUK MENDERMA DARAH



- Sihat tubuh badan.
- Berumur:
 - 17 tahun (mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga).
 - 18 – 60 tahun untuk mereka yang pertama kali menderma.
 - Had maksimum penderma darah tetap adalah pada umur 70 tahun (dengan kebenaran Pegawai Perubatan).
- Berat badan sekurang-kurangnya 45 kg dan ke atas.
- Tidur melebihi 5 jam pada malam sebelum pendermaan.
- Mengambil makanan dalam tempoh 4 jam sebelum pendermaan.
- Memenuhi tahap Hemoglobin (12.5 g/dl – 18.0 g/dl bagi wanita dan 13.5 g/dl – 18.0 g/dl bagi lelaki).
- Bagi penderma wanita; tidak mengandung, tidak menyusukan anak dan hanya boleh menderma darah bermula hari keempat haid dan hari seterusnya.
- Tidak terlibat dalam sebarang kegiatan berisiko tinggi seperti hubungan sejenis atau dengan kedua-dua jantina, pekerja seks komersial, bertukar-tukar pasangan seks atau mengambil dadah secara suntikan.

(Sumber: Pusat Darah Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020)



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Teliti kriteria untuk menderma darah. Jika anda tidak layak untuk menderma, jelaskan cara lain anda boleh melibatkan diri dalam kempen derma darah ini.



Pusat
Darah
Negara
(Pautan)

IMBAS
SAYA

2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.4
2.1.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami syarat-syarat menderma darah.
 - Bimbing murid membaca Mesej Komuniti Sejahtera dengan intonasi yang sesuai.
- Nilai: Bertanggungjawab, Patriotisme, Rasional, Kebebasan, Berdikari

PROJEK JARINGAN MASYARAKAT

Teliti laporan di bawah.

Kelab Keusahawanan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura, Kulai, Johor telah diundang untuk mengadakan demonstrasi dan aktiviti jualan bersempena dengan Program Memasyarakatkan Orang Kurang Upaya (MOKU) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Yang berikut ialah laporan bergambar aktiviti yang telah dijalankan:

LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI KEUSAHAWANAN SMPK VOKASIONAL INDAH PURA BERSEMPENA DENGAN PROGRAM MEMASYARAKATKAN ORANG KURANG UPAYA (MOKU)

Tarikh: 18 hingga 19 September 20__
Tempat: Institut Pendidikan Guru
Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

Aktiviti Keusahawanan



Merias kuku



Menjual makanan



Menggunting rambut

Aktiviti lain



Bicara Inspirasi Tokoh OKU

Mohd Sukur bin Ibrahim

- Pemenang Anugerah OKU Cemerlang Kebangsaan (Keusahawanan)
- Penceramah motivasi dan penasihat kewangan
- Graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Aizan Sofia Amin

- Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Penerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara (OKU) 2019
- Penerima Anugerah Khas Orang Kurang Upaya (Kategori Akademik), Jabatan Kebajikan Masyarakat
- *Woman Icon Recognition, Global Youth Ambassador Team, 2017*

Faedah Mengikuti Program

- (1) Mendapat pengalaman keusahawanan.
- (2) Mengumpulkan dana melalui aktiviti jualan.
- (3) Mendapat rakan baharu untuk jaringan kerjasama.
- (4) Meningkatkan kemahiran dalam perkhidmatan yang diberikan.
- (5) Berjumpa dengan OKU yang berjaya dan berinspirasi.

Program ini diharapkan dapat diteruskan lagi bagi meningkatkan kemahiran murid sekolah ini dan bersama-sama membina komuniti yang sejahtera.

Laporan disediakan oleh:

Stasia

STASIA JAMES

Setiausaha Kelab Keusahawanan

Disahkan oleh:

Murad

HAJI MURAD ABU

Guru Penasihat



Sekiranya anda diberi peluang mengikuti program ini, apakah perasaan anda? Berikan alasan.



Keusahawanan:
Kegiatan berniaga.

2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.5

NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran MBK.
 - Guru dan murid boleh merancang aktiviti keusahawanan berskala kecil.
 - Bimbing murid menyediakan laporan bergambar.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Kebebasan, Berdikari, Kerjasama

ARCA KERJA SOSIAL KREATIF

Lakukan aktiviti lakonan arca di bawah.

Arca ialah aktiviti lakonan kaku yang merumuskan keseluruhan situasi yang ingin digambarkan. Lakonan ini digambarkan dengan satu aksi sahaja, tanpa ada dialog, peralatan dan pergerakan. Arca yang baik dapat diterjemahkan melalui postur tubuh, mimik muka dan ekspresi yang betul.

Panduan Aktiviti:

- (1) Murid membentuk dua kumpulan dan melantik seorang ketua.
- (2) Guru memulakan aktiviti rangsangan dengan meminta murid membuat lakonan kaku aksi pelbagai binatang dengan kreatifnya.
- (3) Ketua kumpulan akan memilih kad tugas dan diberi lima minit untuk membuat persediaan.
- (4) Kumpulan pertama akan melakonkan persembahan arca, manakala kumpulan kedua akan meneka tema persembahan yang ditonjolkan.
- (5) Persembahan akan mudah diteka sekiranya postur dan gaya badan dilakonkan dengan baik.

Contoh soalan pada kad tugas:

- Gambarkan arca yang bertemakan penglibatan anda memberikan makanan kepada golongan gelandangan.
- Gambarkan arca yang bertemakan penglibatan anda menderma darah.

Selamat mencuba.



Bincangkan lakonan arca berdasarkan dimensi moral.



**IMBAS
SAYA**

Contoh Pelaksanaan Aktiviti Lakonan Arca (Video)

2.1.3
2.1.5

NOTA GURU

- ➔ Bimbing murid memahami dan membuat persembahan arca. Guru dicadangkan membuat aktiviti rangsangan terlebih dahulu seperti menunjukkan aksi burung, pokok dan lain-lain menggunakan postur tubuh masing-masing.
- ➔ Guru boleh menerangkan maksud dimensi moral.
Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Kebebasan, Berdikari

PENGLIBATAN DIRI UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Maksud

Melibatkan diri dalam aktiviti anjuran agensi kerajaan dan NGO yang menggambarkan keadaan sejahtera, keamanan dan keselamatan anggota masyarakat.

Agensi Kerajaan

Polis Diraja Malaysia

Contoh Program

Volunteer Smartphone Patrol (VSP)



Contoh Penglibatan

Membuat aduan jenayah melalui aplikasi yang dimuat turun ke dalam telefon bimbit.



Manfaat kepada Masyarakat

Memudahkan masyarakat menyalurkan aduan di kawasan komuniti.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Persatuan Pandu Puteri Malaysia

Contoh Program

Sambutan Hari Peringatan Sedunia. Tema: *Let's Grow*



Contoh Penglibatan

Menyertai aktiviti yang dilaksanakan dalam program tersebut.



Manfaat kepada Masyarakat

Memberikan kesedaran tentang kelestarian alam sekitar.

Jawab soalan berikut:



(1) Cadangkan cara promosi kreatif anda untuk menayakan Kempen Kesihatan Buah Pinggang tersebut.

- (a)  _____
- (b)  _____



(2) Namakan agensi kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dengan kempen di atas.

- (a)  _____
- (b)  _____

(3) Jelaskan dua kebaikan anda melibatkan diri dalam aktiviti ini.

- (a)  _____
- (b)  _____

(4) Nyatakan nilai yang anda peroleh melalui Kempen Kesihatan Buah Pinggang.

- (a)  _____
- (b)  _____



Duga Ilmu
Halaman 74

IMBAS
SAYA

PROJEK RAKAMAN VIDEO KHIDMAT MASYARAKAT

Projek ini bertujuan untuk:

- (1) Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai moral di luar kelas.
- (2) Memupuk daya kreatif murid dalam merakam video.
- (3) Menyemai sikap prihatin untuk berbakti kepada masyarakat.

GERAK KERJA

(A) PERANCANGAN

- (1) Fikirkan projek khidmat masyarakat yang ingin dirakamkan.
- (2) Dapatkan kebenaran pihak yang berkaitan untuk membuat rakaman (jika perlu).

(B) PELAKSANAAN

Merakamkan projek khidmat masyarakat menggunakan telefon pintar.

(C) REFLEKSI

- (1) Kongsikan hasil rakaman video kepada rakan sekelas.
- (2) Laporkan refleksi projek anda dalam bentuk laporan seperti contoh pada halaman 70 dan 71. Laporan anda perlu mengandungi maklumat berikut:

- | | |
|------------------|---------------------------------------------------------------------|
| • Nama Projek | • Objektif |
| • Tarikh | • Aktiviti |
| • Tempat | • Refleksi (perasaan dan harapan anda sepanjang menjalankan projek) |
| • Ahli Kumpulan | • Penghargaan |
| • Guru Penasihat | |

Melalui penglibatan dalam projek rakaman video khidmat masyarakat ini, diharapkan anda menjadi insan yang berkeperibadian mulia dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.



HUBUNGAN MASYARAKAT GLOBAL UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA

Dalam unit ini, murid dapat:

- 2.2.1 memerihalkan maksud semangat hubungan dengan masyarakat global.
- 2.2.2 menyatakan contoh hubungan dengan masyarakat global untuk kesejahteraan bersama.
- 2.2.3 menjelaskan kepentingan mengadakan hubungan dan kerjasama dengan masyarakat global untuk kesejahteraan bersama.
- 2.2.4 melahirkan perasaan berkaitan sikap kerjasama dalam masyarakat global.
- 2.2.5 mewujudkan hubungan kerjasama dengan masyarakat global untuk kesejahteraan bersama.



CADANGAN NILAI

- Patriotisme
- Toleransi
- Rasional
- Kasih Sayang
- Kerjasama



RANGSANG MINDA

Nyatakan isu global yang perlu diatasi bersama-sama dengan masyarakat global.



GLOSARI

Masyarakat global:

Masyarakat yang memiliki pemikiran yang luas, tidak terbatas pada suatu negara tetapi bersifat universal.

LUAS PERGAULAN, BERTAMBAH PENGETAHUAN

Fahami mesej di bawah.

Hubungan dengan masyarakat global bermaksud satu interaksi atau pertalian yang terikat pada masyarakat berlainan negara. Sebagai contoh, program pertukaran murid merupakan suatu program yang boleh menyemarakkan semangat hubungan dengan masyarakat global.

Danial berkongsi pengalaman dengan Vina tentang program pertukaran murid yang disertainya. Mari kita bersama-sama membaca mesej di bawah.

17:18 ●●●○ 50%

← Vina

Saya berasa amat bertuah dan bangga. Saya telah dipilih oleh guru untuk menyertai program pertukaran murid yang melibatkan negara kita dengan negara Korea Selatan.

10:20 pagi

Vina

Wah, saya tidak pernah lagi menyertai program pertukaran murid! Apakah tujuan program ini diadakan?

10:22 pagi

17:18 ●●●○

50%

Vina



Program ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mengenali budaya negara lain. Banyak manfaat yang saya peroleh melalui program ini, iaitu mempelajari bahasa asing, bertukar-tukar pendapat mengenai isu global dan berkongsi budaya. Paling menyeronokkan, saya dapat berhubung terus dengan masyarakat antarabangsa.

10:25 pagi ✓✓



Vina

Wah, bagusnya program ini!

10:27 pagi

Ya, betul. Program ini bukan sahaja mewujudkan hubungan kerjasama pada peringkat global tetapi juga mengeratkan hubungan diplomatik. Saya teruja diberi peluang untuk berganding bahu dalam menjayakan program ini.

10:30 pagi ✓✓



Vina

Tahniah! Mesti kamu gembira mendapat kenalan dan pengalaman baharu. Saya berharap agar saya juga dapat menjelajah ke seluruh dunia suatu hari nanti.

10:32 pagi



Adakah anda berminat untuk menyertai program pertukaran murid? Berikan alasan anda.



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Bagaimanakah program pertukaran murid dapat memupuk semangat kerjasama dengan masyarakat global?

 2.2.1
 2.2.2
 2.2.3
 2.2.4
 2.2.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menjalinkan hubungan erat dan kerjasama dengan masyarakat global melalui pelbagai program.
- Nilai: Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kasih Sayang, Kerjasama

MISI KEMANUSIAAN, MISI KESEJAHTERAAN

Baca maklumat berikut:



Misi Bantuan Kemanusiaan

Misi bantuan kemanusiaan dan bantuan kecemasan antarabangsa merupakan satu aktiviti kesukarelawanan yang mencabar. Misi ini sering disertai oleh sukarelawan dari pelbagai negara seperti Hong Kong, Amerika Syarikat, Indonesia, Singapura termasuklah Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang giat menjalankan misi bantuan kemanusiaan pada peringkat antarabangsa. Contohnya, misi bantuan kemanusiaan ke India, Afrika Tengah, Mesir dan Syria.

GLOSARI

Misi: Tugas khusus yang merupakan tanggungjawab bagi seseorang atau sesuatu kumpulan.

Misi bantuan kemanusiaan bukan sahaja bertujuan untuk menyelamatkan nyawa dan meringankan beban masyarakat global, tetapi juga dapat mewujudkan hubungan dan kerjasama yang baik dengan mereka. Melalui misi ini, sukarelawan dapat memberikan sumbangan dan khidmat bakti yang bermakna seperti membina sekolah, mengagihkan barang bantuan dan menyambut hari lahir penduduk setempat yang dibantu.



Secara tidak langsung, misi ini dapat meningkatkan imej negara dan mendatangkan kesejahteraan kepada setiap negara yang terlibat. Dengan ini, hubungan masyarakat global akan menjadi semakin erat dan kukuh.



Nyatakan jenis bantuan yang boleh anda salurkan untuk menyokong misi bantuan kemanusiaan.



SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Pada pendapat anda, apakah peranan peserta misi bantuan kemanusiaan?

2.2.2
2.2.3
2.2.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami misi bantuan kemanusiaan.
- Bimbing murid menyatakan aktiviti lain yang dapat memupuk hubungan dengan masyarakat global.

Nilai: Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kasih Sayang, Kerjasama

USAHAWAN OKU TINGKAT TARAF EKONOMI

Hayati rencana di bawah.

BEG BATIK INOVASI KREATIF PELATIH OKU

Suatu program inovasi, iaitu Program Pemerksaan Ekonomi (EEP) telah dijalankan oleh Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Wakaf Tapai, Terengganu.

Program EEP bertujuan untuk mengasah bakat dan melatih golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menjanakan pendapatan sendiri. Program ini seiring dengan hasrat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), iaitu memperkasakan program OKU dan mewujudkan daya saing yang sihat dalam kalangan OKU.

Pelaksanaan program ini melibatkan tujuh orang pelatih OKU yang mahir dalam jahitan. Mereka menghasilkan beg berasaskan kain denim dan **batik** terpakai yang disumbangkan oleh masyarakat setempat dengan kreatifnya.

Kini, hasil karya mereka bukan sahaja mendapat sambutan baik di pasaran tempatan tetapi juga diperluas ke Asia Tenggara dan negara-negara lain.

Usaha gigih dan pencapaian mereka telah dijadikan penanda aras oleh persatuan OKU di luar negara untuk mewujudkan hubungan kerjasama dengan masyarakat global dari segi perkongsian ilmu, kesenian dan kebudayaan. Secara tidak langsung, hubungan ini dapat meningkatkan imej negara di persada dunia.

(Sumber dipetik dan diubah suai daripada <http://batikppdkwakaftapai.blogspot.com>)



- (1) Apakah perasaan anda apabila mendapati hasil karya anda diterima baik oleh masyarakat global?
- (2) Nyatakan kebaikan yang anda peroleh apabila dapat mewujudkan hubungan dan kerjasama dengan masyarakat global.



Batik: Kain yang bercorak (dilukis atau ditera dengan lilin dan dicelup).

Pihak PPDK Wakaf Tapai telah membina laman web untuk mempromosikan hasil karya mereka di dalam dan di luar negara.

The screenshot shows the website interface for PPDK WAKAF TAPAI. At the top, there is a navigation bar with a menu icon, the text 'PPDK WAKAF TAPAI', a search icon, and a shopping cart icon. Below this is a large banner with the text 'PPDK WAKAF TAPAI' and a photo of a group of women in pink and purple attire. A link 'Baca kisah kami >>' is visible below the photo. The main content area is titled 'BARANGAN' and displays several batik products with their prices:

- Beg Syiling Batik**: RM6.00
- Beg Seminar Batik**: RM25.00
- Beg Tangan Batik**: RM40.00
- Beg Botol Air Batik - 500 ml**: RM30.00
- Beg Botol Air Batik - 1500 ml**: RM40.00

At the bottom of the product grid, there is a photo of several bags on display and the text '#OKUjahit #beriOKUpeluang'. The footer of the website includes the logo for TAPAI (Jabatan KERAJIAN Masyarakat) and the text 'PPDK WAKAF TAPAI MARANG TERENGGANU'.

NOTA GURU

2.2.2
 2.2.3
 2.2.5

- Bimbing murid mengetahui kaedah untuk memupuk hubungan kerjasama dengan masyarakat global.
- Guru boleh mencungkil potensi dan bakat murid serta melatih murid untuk menjanakan pendapatan semasa Hari Keusahawanan sekolah.
 Nilai: Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kasih Sayang, Kerjasama

KEHARMONIAN SEJAGAT

Mari bersajak.

SAJAK KEHARMONIAN SEJAGAT

Wahai, anak-anak yang bijak!
amalkan hidup muafakat
kerana muafakat
tonggak kedamaian
teras keharmonian.

Hulurkan bantuan kepada masyarakat global
tanpa mengira warna kulit
tanpa mengira agama
tanpa mengira bangsa
supaya makhluk di bumi hidup bahagia.

Tingkatkan imej negara
eratkan kerjasama global
demi kesejahteraan bersama
makmur kita dalam muafakat.

Marilah kita
saling membantu, memahami dan menghormati
kita kukuhkan kemesraan sesama rakyat
kita lestarikan keharmonian sejagat
demi bumi tercinta.

Nukilan: Oo Kean Hoe



Sajak Keharmonian
Sejagat (Audio)

IMBAS
SAYA

NOTA GURU

2.2.3
2.2.4
2.2.5

→ Bimbing murid mendeklamasikan sajak dengan nada dan intonasi yang sesuai.
Nilai: Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kasih Sayang, Kerjasama

PROJEK PERAGAAN FESYEN MASYARAKAT GLOBAL



(Sumber: Muzium Tekstil Negara, 2020)

Projek ini bertujuan untuk:

- (i) Mengenalinya kepelbagaian kaum, bangsa, adat dan budaya di seluruh dunia.
- (ii) Memupuk sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain.
- (iii) Mewujudkan kesejahteraan bersama dalam kalangan masyarakat global.

GERAK KERJA

(A) PERANCANGAN

- (1) Kumpulkan maklumat tentang keistimewaan pakaian tradisional di seluruh dunia.
- (2) Pilih pakaian tradisional yang bertemakan budaya masyarakat global untuk diperagakan di dalam kelas.

(B) PELAKSANAAN

- (1) Sediakan pakaian dan aksesori yang telah dipilih.
- (2) Gunakan kreativiti masing-masing untuk menambahkan elemen dalam pakaian tradisional yang dipilih.

(C) PENILAIAN

- (1) Selepas menjalankan projek, sediakan catatan dengan melampirkan gambar anda berpakaian tradisional.
- (2) Catatan tersebut perlu mempunyai maklumat berikut:
 Nama:
 Kelas:
 Jenis pakaian:
 Keunikan pakaian:

Semoga projek peragaan fesyen ini dapat meningkatkan kefahaman anda agar lebih mengenali masyarakat global.

HUBUNGAN MASYARAKAT GLOBAL UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA

MAKSUD HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT GLOBAL

Satu interaksi atau pertalian yang terikat pada masyarakat berlainan negara.

CONTOH HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT GLOBAL

- Mengadakan program pertukaran murid.
- Menyertai misi bantuan kemanusiaan.
- Mengadakan sesi perkongsian idea, kemahiran dan kesenian.

KEPENTINGAN MENGADAKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT GLOBAL

- Mengenal budaya negara lain.
- Meningkatkan kemahiran teknologi.
- Mengeratkan hubungan diplomatik antara negara.
- Meningkatkan imej negara di persada dunia.
- Mengekalkan keamanan dan ketenteraman dunia.
- Mendatangkan kebaikan dan kesejahteraan global.

PERASAAN APABILA DAPAT MEWUJUDKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT GLOBAL

- Gembira.
- Bertuah.
- Bangga.

(A) Jawab soalan berikut:

(1) Nyatakan maksud hubungan dengan masyarakat global.



(2) Berikan contoh hubungan kerjasama dengan masyarakat global.

(a)



(b)



(3) Jelaskan kepentingan mengadakan hubungan kerjasama dengan masyarakat global.

(a)




(b)



(4) Apakah perasaan anda apabila dapat mewujudkan hubungan kerjasama dengan masyarakat global?



(5) Ramalkan kesan sekiranya hubungan kerjasama dengan masyarakat global diabaikan. 





Duga Ilmu
Halaman 87

(B) Nyatakan tindakan yang perlu anda ambil untuk menunjukkan semangat kerjasama dalam kempen kemanusiaan global.

1

A yellow pencil icon on a green notepad, positioned on a set of four horizontal lines for writing.

2

A yellow pencil icon on a green notepad, positioned on a set of four horizontal lines for writing.

3

A yellow pencil icon on a green notepad, positioned on a set of four horizontal lines for writing.

Duga Ilmu
Halaman 88

IMBAS
SAYA

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz, 1998. *Motivasi dan Pembangunan Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Marzuki Ismail, 2007. *Penyediaan Diri ke Arah Pembentukan Modal Insan*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Nancy Loewen, 2011. *Semua tentang Kamu: Tulis Jurnal Kamu Sendiri*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Robiah K. Hamzah, 2001. *Teknik dan Strategi Membimbing Remaja Berbudaya Positif*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rujukan daripada laman web

- Ahmad Suhael Adnan, BH Online (22 September 2018). "Penyu Tercucuk Straw 'Dalil' Larangan". The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/476921/penyu-tercucuk-straw-dalil-larangan> (dicapai pada 15 April 2020).
- Asemah Adnan, Sarawakvoice.com (15 Mei 2018). "OKU dari Kuching, cipta sejarah merangkak ke Kem Induk Everest". <https://sarawakvoice.com/2018/05/15/oku-dari-kuching-cipta-sejarah-merangkak-ke-kem-induk-everest/> (dicapai pada 18 Ogos 2020).
- Effi Saharudin (25 Januari 2015). "Program Panggung Wayang Orang Buta". <https://amanz.my/tag/persatuan-orang-buta-malaysia/> (dicapai pada 4 Jun 2020).
- Gmail Bantuan. <https://support.google.com/mail/answer/56256?hl=ms> (dicapai pada 20 Mac 2020).
- Hayati Ibrahim, Harian Metro (22 Februari 2017). "RM500,000 untuk kemudahan mesra OKU". The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. <https://www.hmetro.com.my/node/208097> (dicapai pada 15 April 2020).
- Info Sihat, Kementerian Kesihatan Malaysia. "Apakah Itu Novel Coronavirus (COVID-19)?" Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. <https://www.infosihat.gov.my/index.php/multimedia/infografik/item/apakah-itu-novel-coronavirus-covid-19> (dicapai pada 15 April 2020).
- Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. <https://miros.gov.my/xs/page.php?s=mrr214> (dicapai pada 16 Mei 2020).
- Modul 10 Minit Perhimpunan, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. <http://ml0mp.ipgkik.edu.my/> (dicapai pada 23 Jun 2020).
- Norsuhaila Ibrahim, *Dewan Siswa*, (Januari 2017). "Ciri-ciri Jati Diri". Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://dwnsiswa.dbp.my/wordpress/?p=2834> (dicapai pada 27 Februari 2017).
- Portal Jabatan Kebajikan Masyarakat. "Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP)". <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=U2pEL2JKbHBxdzlvZFYfYnmk4blZjQT09> (dicapai pada 4 Jun 2020).
- Portal Kementerian Dalam Negeri. "Volunteer Smartphone Patrol (VSP)". <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/terkini/3409-volunteer-smartphone-patrol-vsp> (dicapai pada 3 Jun 2020).
- Portal KonsumerKINI (20 Januari 2010). "Membawa Bekal untuk Makanan Tengah Hari". <http://www.konsumerkini.net.my/v2/index.php/berita-terkini/kempen/399-membawa-bekal-untuk-makanan-tengah-hari> (dicapai pada 1 September 2020).
- Portal MyGovernment. "Membina Kerjaya dan Persaraan". <https://www.malaysia.gov.my/portal/category/873> (dicapai pada 17 April 2020).
- Portal MyHEALTH, Kementerian Kesihatan Malaysia. "Penyelesaian Konflik bagi Remaja". <http://www.myhealth.gov.my/penyelesaian-konflik-bagi-remaja/> (dicapai pada 18 April 2020).
- Portal Sebenarnya.my. <https://sebenarnya.my/> (dicapai pada 14 Mei 2020).
- Pusat Pemulihan dalam Komuniti Wakaf Tapai (9 Oktober 2018). "Program Pemeraksanaan Ekonomi EEP". <http://batikppdkwakaftapai.blogspot.com/2018/10/> (dicapai pada 13 Mei 2020).
- Rabi'atul 'Adawiyah Ismail, Harian Metro (5 Mac 2017). "Patung 6.3 Kilometer". The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/03/210924/patung-63-kilometer> (dicapai pada 4 Julai 2020).
- Wan Jailani Razak, BH Online (15 Mei 2018). "Adam Sampai Kem Induk Everest Selepas 16 Hari Mengengsot". The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/05/426118/adam-sampai-kem-induk-everest-selepas-16-hari-mengengsot> (dicapai pada 5 Mei 2020).
- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. <http://www.mcpf.org.my/about-mcpf/activities> (dicapai pada 3 Jun 2020).

INDEKS

- adab 6, 10
adat resam 16
agensi kerajaan 64, 66, 67, 73, 74
amalan 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 37, 68
animasi 16, 17
- Baba Nyonya 18
bangga 5, 9, 11, 16, 20, 23, 28, 35, 36, 68, 78, 86
bertimbang rasa 28, 29, 35, 36
budaya 10, 15, 16, 18, 23, 79, 85, 86
- cinta monyet 40, 41
COVID-19 51, 55
- derma darah 68, 69, 72
- ekosistem 31
ekuiti 33
emosi 42, 43, 45, 49
etika 6, 10, 11, 13, 34, 53, 59, 60, 62
- gangguan seksual 44, 47
- hubungan diplomatik 79, 86
hormat 2, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 26, 29, 33, 34, 55, 57, 59, 84, 85
- identiti 15, 16, 18, 23
ikhlas 13, 33, 35, 36
inovasi 82
- jati diri 14, 15, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 25
jenayah siber 52, 60
- kecelaruan 39, 40, 47
kerjasama 37, 64, 71, 76, 79, 81, 82, 83, 84, 86, 87, 88
- kerjaya 54, 66
kesejahteraan 7, 8, 11, 26, 27, 28, 29, 33, 35, 36, 37, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 60, 64, 65, 66, 68, 73, 76, 80, 81, 84, 85, 86
keusahawanan 70, 71, 83
khidmat masyarakat 75
komunikasi 18, 22, 25, 58
konflik 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 52, 60
- masyarakat global 76, 77, 78, 79, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87
misi bantuan kemanusiaan 80, 81, 86
- NGO (pertubuhan bukan kerajaan) 64, 65, 66, 67, 73, 74
norma 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13
- patriotik 19, 23
pelitup muka 28, 29
penglibatan 64, 65, 66, 67, 72, 73, 75
pensanitasi tangan 34
penyepit 10, 11
peraturan 3, 4, 6, 11, 13, 45
pertimbangan 38, 43, 49
prihatin 26, 27, 28, 30, 32, 33, 35, 36, 37, 75
program pertukaran murid 78, 79, 86
- sahih 51, 53, 54, 55, 57, 60, 62
straw plastik 31
sumber maklumat 50, 52, 53, 55, 57, 60, 62
- tanggungjawab sosial 7



Cadangan
Jawapan
(Teks)